



PROGRAM LATIHAN AKADEMI AUDIT NEGARA TAHUN 2022





PROGRAM PENGAUDITAN




DARI KIRI: PUAN RASHIDAH BINTI ABDULLAH, ENCIK AB HADI BIN DAUD, CIK NOOZIEYANTI ERNA BINTI ADNAN

DIREKTORI PEGAWAI DI PROGRAM PENGAUDITAN

1. KETUA PROGRAM PENGAUDITAN
ENCIK AB HADI BIN DAUD
KETUA PENOLONG PENGARAH W48
NO. TEL PEJABAT: 06-7822006
e-mel: abhadi@audit.gov.my
2. PUAN RASHIDAH BINTI ABDULLAH
PENOLONG PENGARAH W41
NO. TEL PEJABAT: 06-7822031
e-mel: shidahabdullah@audit.gov.my
3. CIK NOOZIEYANTIE ERNA BINTI ADNAN
PEN. JURUAUDIT W32
NO. TEL PEJABAT: 06-7822030
e-mel: erna@audit.gov.my





MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT ASAS

KURSUS	PENGAUDITAN PRESTASI
KOD KURSUS	AU101F

Sinopsis Kursus

Kursus ini akan mendedahkan peserta kepada asas pengauditan prestasi di bawah *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). Peserta juga akan didedahkan dengan aspek-aspek penting dalam membuat perancangan audit prestasi, kriteria utama bagi menentukan pemilihan tajuk audit, perancangan kerja audit, bukti audit, penyediaan kertas kerja audit serta menyediakan laporan. Selain itu, kursus ini turut menyentuh mengenai Pengauditan Sistem.

Kurikulum Kursus

- Fasa Perancangan Pengauditan Prestasi
 - Pemilihan Tajuk
 - *Preliminary Study*
- Fasa Pelaksanaan Pengauditan Prestasi
 - Penyediaan MRA
 - Pensampelan
 - *Entrance Conference*
 - *Audit Finding Matrix*
 - Bukti Audit
 - Penemuan dan Rumusan Audit
 - Pemerhatian Audit dan Maklum Balas Auditi
 - *Pre-Exit* dan *Exit Conference*
 - Pengurusan Kertas Kerja Audit
- Pelaporan
- Pengauditan Sistem

Manfaat Kursus

- Meningkatkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting dalam Pengauditan Prestasi.
- Membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dalam pengauditan.

Sasaran


Penolong Juruaudit W29 – Juruaudit W44

Kaedah Penyampaian

Kuliah secara dalam talian

Kaedah Penilaian

- Sesi soal jawab
- Kuiz



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT ASAS

KURSUS	PENGAUDITAN SYARIKAT
KOD KURSUS	AU105F

Sinopsis Kursus

Kursus ini akan mendedahkan peserta kepada asas pengauditan pengurusan syarikat kerajaan. Kursus ini akan meliputi pendekatan pengauditan yang digunapakai dalam pengauditan pengurusan syarikat kerajaan seperti berikut:

- Aspek pemilihan syarikat;
- Mengenali syarikat yang dipilih; dan
- Penyediaan Memorandum Perancangan Audit

Selain itu, peserta turut didedahkan kepada aspek perundangan dan peraturan berkaitan pengurusan syarikat kerajaan

Kurikulum Kursus

- Pengenalan kepada Pengauditan Syarikat Kerajaan
- Perancangan Pengauditan Syarikat Kerajaan
- Pelaksanaan Pengauditan Syarikat Kerajaan
- Pelaporan

Manfaat Kursus

- Meningkatkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting dalam Pengauditan Syarikat Kerajaan.
- Membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dalam pengauditan.

Sasaran


Penolong Juruaudit W29 – Juruaudit W44

Kaedah Penyampaian

Kuliah secara dalam talian

Kaedah Penilaian

- Sesi soal jawab
- Kuiz



PROGRAM PENGAUDITAN

MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN

KURSUS PENGAUDITAN PRESTASI

KOD KURSUS AU201FKCA

Sinopsis Kursus

Kursus ini merupakan lanjutan kepada Kursus Pengauditan Prestasi (Asas). Ia juga merupakan kursus di bawah Program Kecemerlangan Juruaudit (KCA) bagi Juruaudit Gred W44. Kursus ini dianjurkan bertujuan untuk membantu peserta mengurus dan melaksanakan pengauditan prestasi secara cekap dan berkesan. Melalui kursus ini, peserta akan diberi latihan amal yang interaktif melalui kajian kes yang disediakan. Di akhir kursus ini, peserta akan berkemampuan untuk merancang dan melaksanakan pengauditan dengan cekap bagi mencapai objektif pengauditan prestasi.

Kurikulum Kursus

- Pemilihan Tajuk
- *Preliminary Study*
- Penyediaan MRA
- Persampelan
- *Entrance Conference*
- *Audit Finding Matrix*
- Bukti Audit
- Penemuan Audit dan Rumusan Audit
- Pemerhatian Audit dan Maklum Balas Audit
- *Pre-Exit* dan *Exit Conference*
- Pengurusan Kertas Kerja
- Pelaporan

Manfaat Kursus

- Mengukuhkan kefahaman peserta mengenai pelaksanaan Pengauditan Prestasi.
- Membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dalam pengauditan.

Sasaran


Juruaudit W44

Kaedah Penyampaian

- Kuliah secara bersemuka
- Perbincangan kumpulan

Kaedah Penilaian

Pembentangan kajian kes



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN

KURSUS	PENGAUDITAN SYARIKAT
KOD KURSUS	AU205FKCA

Sinopsis Kursus

Kursus ini merupakan lanjutan kepada Kursus Pengauditan Syarikat Kerajaan (Asas). Ia juga merupakan kursus di bawah Program Kecemerlangan Juruaudit (KCA) bagi Juruaudit Gred W44. Kursus ini dianjurkan bertujuan untuk membantu peserta mengurus dan melaksanakan pengauditan syarikat secara cekap dan berkesan. Melalui kursus ini, peserta akan diberi latihan amal yang interaktif melalui kajian kes yang disediakan. Di akhir kursus ini, peserta akan berkemampuan untuk merancang dan melaksanakan pengauditan dengan cekap bagi mencapai objektif pengauditan syarikat.

Kurikulum Kursus

- Cabaran terhadap Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan
- Perancangan pengauditan
- Pelaksanaan pengauditan – Tadbir Urus Korporat
- Pelaksanaan pengauditan – Pengurusan Aktiviti
- Pelaksanaan pengauditan – Prestasi Kewangan
- Pelaporan

Manfaat Kursus

- Mengukuhkan kefahaman peserta mengenai pelaksanaan pengauditan syarikat kerajaan.
- Membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dalam pengauditan.

Sasaran


Juruaudit W44

Kaedah Penyampaian

- Kuliah secara bersemuka
- Perbincangan kumpulan

Kaedah Penilaian

Pembentangan kajian kes



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN

KURSUS	PENULISAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
KOD KURSUS	AU210FKCA

Sinopsis Kursus

Kursus ini merupakan kursus di bawah Program Kecemerlangan Juruaudit (KCA) bagi Juruaudit Gred W44. Ia dilaksanakan untuk memantapkan peserta dengan kaedah penulisan laporan audit yang baik supaya Laporan Ketua Audit Negara dapat disampaikan secara berkesan kepada pembaca. Dalam kursus ini, peserta akan didedahkan dengan piawaian dan Garis Panduan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini. Selain itu, peserta turut berpeluang untuk mempelajari kesilapan umum yang sering berulang dalam penulisan laporan audit. Para peserta juga akan diajar dengan penggunaan tatabahasa yang betul dan gaya bahasa yang sesuai digunakan dalam penulisan.

Kurikulum Kursus

- Pengenalan kepada penyediaan dan penulisan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)
- Penyediaan LKAN bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan/ Pematuhan
- Penyediaan LKAN bagi Pengauditan Prestasi
- Penyediaan LKAN bagi Pengauditan Syarikat
- Keperluan Bahagian Susulan Audit berkaitan isu-isu LKAN
- Penggunaan tatabahasa/gaya bahasa serta kesilapan umum dalam penulisan laporan (Dewan Bahasa & Pustaka)

Manfaat Kursus

- Membantu mengukuhkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting untuk menghasilkan laporan audit yang berkualiti.
- Meningkatkan kebolehan peserta untuk mengaplikasikan pengetahuan dalam menulis laporan audit.
- Meningkatkan kualiti laporan audit.
- Meningkatkan keyakinan diri peserta dalam menulis laporan audit.

Sasaran

Juruaudit W44


Program Latihan Akademi Audit Negara 2022

Kaedah Penyampaian

- Kuliah secara bersemuka
- Perbincangan kumpulan

Kaedah Penilaian

| Pembentangan kajian kes



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN

KURSUS	KAWALAN KUALITI DALAM PENYEDIAAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
KOD KURSUS	AU215FKCA

Sinopsis Kursus	Kursus ini merupakan kursus di bawah Program Kecemerlangan Juruaudit (KCA) bagi Juruaudit Gred W48. Kursus ini akan membincangkan peraturan dan garis panduan yang berkaitan kawalan kualiti dalam pengauditan yang dijalankan. Peserta akan berpeluang untuk berbincang dan memberikan cadangan penambahbaikan kepada kawalan kualiti sedia ada.
Kurikulum Kursus	<ul style="list-style-type: none">• Pengenalan kepada kawalan kualiti• Kerangka kerja Sistem Kawalan Kualiti• Kawalan kualiti dalam Pengauditan Prestasi, Kewangan dan Syarikat
Manfaat Kursus	<ul style="list-style-type: none">• Kursus ini akan membantu peserta memahami konsep kawalan kualiti dalam pengauditan.• Kefahaman mengenai kawalan kualiti ini dapat diterjemahkan kepada rutin pengauditan yang dilaksanakan dan seterusnya mampu meningkatkan kualiti kerja pengauditan agar selaras dengan standard yang ditetapkan.
Sasaran	Juruaudit W48
Kaedah Penyampaian	<ul style="list-style-type: none">• Kuliah secara bersemuka• Perbincangan kumpulan
Kaedah Penilaian	Pembentangan perbincangan kumpulan



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN

KURSUS	PENGAUDITAN PEROLEHAN KERAJAAN
KOD KURSUS	AU206FKCA

Sinopsis Kursus

Kursus ini merupakan kursus di bawah Program Kecemerlangan Juruaudit (KCA) bagi Juruaudit Gred W48. Melalui kursus ini, peserta akan didedahkan kepada dasar-dasar serta peraturan perolehan kerajaan yang berkuatkuasa. Selanjutnya, peserta akan mempelajari bagaimana pengauditan dapat dilaksanakan berdasarkan garis panduan/peraturan yang berkuat kuasa. Peserta juga berpeluang berbincang mengenai isu-isu semasa perolehan kerajaan dan bagaimana perkara ini boleh memberi kesan kepada pengauditan yang dilaksanakan.

Kurikulum Kursus

- Pengenalan kepada Pengauditan Perolehan
- Perancangan pengauditan
- Pelaksanaan pengauditan
- Pelaporan dan Tindakan Susulan

Manfaat Kursus

- Kursus ini akan membantu peserta memahami asas-asas penting dalam pengauditan perolehan.
- Kursus ini akan meningkatkan keyakinan diri peserta untuk melaksanakan pengauditan perolehan.

Sasaran


Juruaudit W48

Kaedah Penyampaian

- Kuliah secara bersemuka
- Perbincangan kumpulan

Kaedah Penilaian

Pembentangan kajian kes



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN

KURSUS	TEKNIK PENSAMPELAN AUDIT (PRESTASI)
KOD KURSUS	AU208F

Sinopsis Kursus

Secara umumnya kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai Audit mengenai kaedah dan teknik pensampelan dalam pengauditan prestasi. Melalui kursus ini, peserta akan mempelajari konsep-konsep pensampelan, populasi dan rangka pensampelan serta teknik dan rekabentuk pensampelan bagi Pengauditan Prestasi. Peserta turut dibimbing bagaimana untuk mempersembahkan hasil analisis pensampelan dalam pelaporan.

Kurikulum Kursus

- Pengenalan kepada teknik pensampelan (Prestasi)
- Proses pensampelan
- Pensampelan Kebarangkalian
- Pensampelan Bukan Kebarangkalian
- Pensampelan Gabungan
- Prosedur pengambilan sampel
- Isu dan Cabaran

Manfaat Kursus

- Membantu mengukuhkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting dalam pensampelan audit.
- Meningkatkan kemahiran peserta menggunakan teknik pensampelan bagi mengumpulkan bukti audit bersesuaian.
- Meningkatkan kualiti kerja pengauditan.
- Meningkatkan keyakinan diri peserta dalam pengauditan.
- Perkongsian ilmu dan pengalaman akan mendedahkan dan membolehkan peserta mempelajari isu dan kaedah penyelesaian dari pelbagai perspektif.

Sasaran


Penolong Juruaudit W29 – Juruaudit W44

Kaedah Penyampaian

- Kuliah secara bersemuka
- Perbincangan kumpulan

Kaedah Penilaian


Pembentangan kajian kes



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN

KURSUS	TEKNIK PENSAMPELAN AUDIT (KEWANGAN)
KOD KURSUS	AU209F

Sinopsis Kursus	Secara umumnya kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai Audit mengenai kaedah dan teknik pensampelan dalam pengauditan kewangan. Melalui kursus ini, peserta akan mempelajari konsep-konsep pensampelan, populasi dan rangka pensampelan serta teknik dan rekabentuk pensampelan bagi Pengauditan Kewangan. Peserta turut dibimbing bagaimana untuk mempersembahkan hasil analisis pensampelan dalam pelaporan.
Kurikulum Kursus	<ul style="list-style-type: none">• Pengenalan kepada teknik pensampelan (Kewangan)• Proses pensampelan• Prosedur pengambilan sampel• Isu dan Cabaran
Manfaat Kursus	<ul style="list-style-type: none">• Membantu mengukuhkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting dalam pensampelan audit.• Meningkatkan kemahiran peserta menggunakan teknik pensampelan bagi mengumpulkan bukti audit bersesuaian.• Meningkatkan kualiti kerja pengauditan.• Meningkatkan keyakinan diri peserta dalam pengauditan.• Perkongsian ilmu dan pengalaman akan mendedahkan dan membolehkan peserta mempelajari isu dan kaedah penyelesaian dari pelbagai perspektif.
Sasaran	Penolong Juruaudit W29 – Juruaudit W44
Kaedah Penyampaian	<ul style="list-style-type: none">• Kuliah secara bersemuka• Perbincangan kumpulan
Kaedah Penilaian	Pembentangan kajian kes



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT PERTENGAHAN

KURSUS	TEKNIK PENGUMPULAN BUKTI AUDIT
KOD KURSUS	AU213F

Sinopsis Kursus

Kursus ini akan mendedahkan peserta kepada pendekatan-pendekatan digunakan bagi mengumpul dan melaporkan bukti audit mengikut ISSAI. Melalui kursus ini, peserta akan didedahkan kepada keperluan ISSAI dari segi memastikan bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi, kompeten serta sesuai dengan penemuan audit. Peserta juga didedahkan dengan pendekatan yang bersesuaian dalam mengumpul bukti bagi mengelakkan berlakunya ketidakselarasan antara bukti dengan penemuan yang penting. Peserta juga akan didedahkan kepada pertimbangan-pertimbangan khusus yang perlu diberikan apabila berhadapan dengan isu-isu tertentu semasa pengauditan dijalankan. Peserta turut akan dibimbing mengenai kaedah betul bagi menyampaikan bukti audit dalam laporan audit.

Kurikulum Kursus

- Pengumpulan bukti audit berasaskan ISSAI
- Pengumpulan bukti audit secara manual
- Pengumpulan bukti audit secara elektronik

Manfaat Kursus

- Membantu mengukuhkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting dalam pengumpulan bukti audit.
- Meningkatkan kemahiran peserta mengumpul bukti audit bersesuaian dengan pengauditan.
- Meningkatkan kualiti kerja pengauditan.
- Meningkatkan keyakinan diri peserta dalam pengauditan.
- Perkongsian ilmu dan pengalaman akan mendedahkan dan membolehkan peserta mempelajari isu dan kaedah penyelesaian dari pelbagai perspektif.

Sasaran


Penolong Juruaudit W29 – Juruaudit W44

Kaedah Penyampaian

- Kuliah secara bersemuka
- Perbincangan kumpulan

Kaedah Penilaian

Pembentangan kajian kes



PROGRAM PENGAUDITAN

MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT LANJUTAN

KURSUS	JAMINAN KUALITI DALAM PENYEDIAAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
KOD KURSUS	AU315FKCA

Sinopsis Kursus	Kursus ini merupakan kursus di bawah Program Kecemerlangan Juruaudit (KCA) bagi Juruaudit Gred W48 dan akan dilaksanakan secara bengkel. Kursus ini akan memberi peluang kepada peserta untuk memahami konsep jaminan kualiti dalam proses pengauditan di Jabatan Audit Negara. Peserta juga akan diberi peluang untuk memberikan cadangan penambahbaikan kepada kawalan kualiti sedia ada bagi memantapkan kualiti Laporan Audit Negara.
Kurikulum Kursus	<ul style="list-style-type: none">• Kawalan Kualiti peringkat SAI – ISSAI 140• Dokumen Kualiti Jabatan• Senarai Semak <i>Quality Assurance Review</i> (QAR)
Manfaat Kursus	<ul style="list-style-type: none">• Kursus ini akan membantu peserta memahami konsep jaminan kualiti dalam pengauditan.• Kefahaman mengenai jaminan kualiti ini dapat diterjemahkan kepada rutin penyeliaan pengauditan yang dilaksanakan oleh pasukan audit dan seterusnya mampu meningkatkan kualiti kerja pengauditan agar selaras dengan standard yang ditetapkan.
Sasaran	Juruaudit W52
Kaedah Penyampaian	<ul style="list-style-type: none">• Bengkel secara bersemuka• Perbincangan kumpulan
Kaedah Penilaian	Pembentangan perbincangan kumpulan



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT LANJUTAN

KURSUS	ISU DAN CABARAN PENGAUDITAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN
KOD KURSUS	AU317FKCA

Sinopsis Kursus

Kursus ini merupakan kursus di bawah Program Kecemerlangan Juruaudit (KCA) bagi Juruaudit Gred W52 dan akan dilaksanakan secara bengkel. Ia akan memberi peluang kepada peserta untuk berbincang mengenai isu dan cabaran pengauditan sedia ada. Dengan menggunakan *SWOT Analysis*, peserta seterusnya mampu untuk mengenal pasti cadangan penyelesaian kepada isu dan cabaran yang dibangkitkan bagi meningkatkan mutu pengauditan pada masa hadapan.

Kurikulum Kursus

- Mengetahui kekuatan aktiviti pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN.
- Mengetahui kelemahan aktiviti pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN.
- Mengetahui faktor luaran yang mempengaruhi aktiviti pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN.
- Mengetahui cabaran yang dihadapi dalam aktiviti pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN.
- Mengetahui penyelesaian terhadap isu.

Manfaat Kursus

- Membolehkan peserta berbincang mengenai isu dan cabaran pengauditan sedia ada.
- Memberi peluang kepada peserta untuk mencadangkan kepada pihak pengurusan cadangan penyelesaian/penambahbaikan yang difikirkan bersesuaian.
- Memberikan keyakinan kepada peserta untuk memberikan idea dan pendapat bagi menambah baik aktiviti pengauditan pada masa hadapan.

Sasaran


Juruaudit W52

Kaedah Penyampaian

- Bengkel secara bersemuka
- Perbincangan kumpulan

Kaedah Penilaian

Pembentangan perbincangan kumpulan



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT LANJUTAN

KURSUS	PENGAUDITAN FRAUD/FORENSIK DAN SIASATAN DALAMAN
KOD KURSUS	AU307FKCA

Sinopsis Kursus

Kursus ini merupakan kursus di bawah Program Kecemerlangan Juruaudit (KCA) bagi Juruaudit Gred W48. Melalui kursus ini, peserta akan berpeluang untuk membincangkan tentang *fraud* dalam sektor awam. Topik yang dibincangkan meliputi potensi berlakunya *fraud* dalam organisasi dan pihak yang bertanggungjawab bagi mencegah dari berlakunya *fraud*. Peserta juga akan dibimbing bagaimana untuk mengesan *fraud*, teknik mendapatkan bukti, mengesan penemuan, mendapatkan kenyataan dan menulis laporan.

Kurikulum Kursus

- Perancangan Strategik dalam Pengauditan *Fraud*
- Penilaian risiko
- Penilaian *fraud* – *Fraud Assessment Tools*
- Kemahiran temubual dan penyiasatan
- Bukti audit dan petunjuk *fraud*
- Penilaian *fraud* dalam Pengauditan Penyata Kewangan
- Penilaian *fraud* dalam pengurusan kewangan
- Penilaian *fraud* dalam pengurusan projek
- Penilaian *fraud* dalam pengurusan syarikat
- Isu-isu *fraud* dari perspektif Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Manfaat Kursus

- Membantu mengukuhkan kefahaman peserta mengenai asas-asas penting dalam pengauditan *fraud* dan membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dalam pengauditan.
- Mendedahkan peserta kepada petunjuk-petunjuk *fraud*.

Sasaran


Juruaudit W48

Kaedah Penyampaian

- Kuliah secara bersemuka
- Perbincangan kumpulan


Kaedah Penilaian

Pembentangan kajian kes



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT LANJUTAN

KURSUS	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN AUDIT DALAM
KOD KURSUS	AU312E
Sinopsis Kursus	Kursus ini dirancang khusus bagi Juruaudit yang berkhidmat di Unit Audit Dalam Sektor Awam. Perbincangan dalam kursus ini meliputi aspek-aspek penting berkenaan peranan dan tanggungjawab audit dalam di organisasi bagi mengukuhkan urus tadbir korporat melalui perancangan dan pelaksanaan kerja berasaskan risiko.
Kurikulum Kursus	<ul style="list-style-type: none">• <i>Role of Internal Auditing</i>• <i>Corporate Governance</i>• <i>Risk Management</i>• <i>Control (and Risk) Framework</i>• <i>Entity wide Risk Assessment</i>• <i>Risk-based Audit Engagement</i>
Manfaat Kursus	Peserta kursus dapat mengukuhkan pemahaman berkenaan peranan dan tanggungjawab audit dalam serta meningkatkan kualiti kerja berasaskan risiko.
Sasaran	Juruaudit W41 – Juruaudit W52
Kaedah Penyampaian	Kuliah
Kaedah Penilaian	Sesi soal jawab



MODUL KURSUS FUNGSIONAL PERINGKAT LANJUTAN

KURSUS	PENGAUDITAN PROJEK PEMBINAAN
KOD KURSUS	AU311E

Sinopsis Kursus	Kursus ini membincangkan pendekatan audit bagi pengurusan projek. Melalui kursus ini, peserta didedahkan secara holistik berkenaan pengurusan projek dan bagaimana untuk membangunkan kriteria audit yang bersesuaian dengan setiap projek yang diaudit.
Kurikulum Kursus	<ul style="list-style-type: none">• Pengenalan kepada Pengauditan Projek Pembinaan• Kemajuan kerja & rekod tapak, kelewatan, perubahan kerja dan lanjutan masa• Bayaran pendahuluan, wang jaminan pelaksanaan, bon, insurans dan perakuan interim• Penyiapan kerja, penyerahan dan kecacatan• Kerja tidak siap, denda, penamatan dan akaun muktamad• Isu-isu audit berkaitan pengurusan projek
Manfaat Kursus	<ul style="list-style-type: none">• Melalui kursus ini, peserta akan dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkenaan bagaimana sesuatu projek diuruskan.• Peserta dapat mengenal pasti pendekatan audit yang sesuai bagi setiap satu projek yang diaudit agar pengauditan yang berkualiti dapat dihasilkan.
Sasaran	Penolong Juruaudit W29 – Juruaudit W44
Kaedah Penyampaian	<ul style="list-style-type: none">• Kuliah secara bersemuka• Perbincangan kumpulan
Kaedah Penilaian	Pembentangan kajian kes